

28 OCT 1998

IDC-BANK PEMBANGUNAN/I

BANK PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR AMBIL ALIH DARIPADA IDC

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- The Infrastructure Development Corporation (IDC), yang dibentuk sebagai sebuah perbadanan milik penuh Kementerian Kewangan akan dibubarkan berikutan penukaran Bank Pembangunan Bhd kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata: "IDC akan diambil alih oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia."

Sementara itu, kredit pusingan sebanyak RM1 bilion yang disediakan oleh Petronas bagi IDC akan dipindahkan kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia.

Pihak berkuasa sedang menyelesaikan proses-proses pembentukan Bank Pembangunan dan Infrastruktur, katanya kepada sidang akhbar yang diadakan berhubung dengan isu berkaitan cadangan cukai pendapatan dalam Belanjawan 1999.

Minggu lalu, Mustapa berkata sumber RM1 bilion daripada Petronas akan digunakan untuk membiayai beberapa projek prasarana.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 menyatakan dengan penukaran itu, bank berkenaan akan bertukar kepada sebuah bank prasarana dan menumpukan perhatiannya untuk membiayai projek prasarana.

Dr Mahathir juga berkata bank itu yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 bilion, akan memastikan pembiayaan projek pembangunan akan berterusan.

Renong Bhd yang menghadapi masalah kewangan telah mencadangkan penerbitan bon Renong yang disokong oleh IDC sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penyusunan semula kewangan kumpulan itu.

--BERNAMA

AD ZK OS